

Difusi nilai-nilai berita antarabangsa di televisyen Malaysia

Amelia Abdul Aziz*

Pengenalan

Artikel ini bertujuan mengemukakan secara ringkas satu kajian tentang penerapan nilai-nilai berita antarabangsa dalam sistem berita di negara ini. Kajian ditumpukan ke atas berita-berita nasional yang disiarkan oleh dua organisasi televisyen tempatan iaitu sebuah organisasi milik kerajaan dan sebuah lagi milik swasta di negara ini. Satu sampel yang terdiri daripada tujuh hari rancangan berita dipilih daripada dua minggu berita televisyen untuk dianalisis isi kandungannya. Dari rancangan berita nasional RTM dan TV3, kira-kira 112 item berita tempatan dianalisis (tidak termasuk laporan saham dan ramalan kajiucaca).

Fungsi berita

Bagaimana sesuatu nilai dapat diterapkan dalam berita berhubung rapat dengan fungsi berita dalam masyarakat. Dengan merujuk kepada ulasan Lasswell (1977) mengenai fungsi media massa, penyelidik dapat mengenalpasti tiga fungsi utama berita:-

- 1) Berita televisyen meninjau suasana dan persekitaran masyarakat, hasil dari pungutan dan pengumpulan maklumat mengenai apa yang berlaku di persekitaran.

* Penulis berkhidmat sebagai seorang pensyarah dalam bidang penyiaran di Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Beliau memegang ijazah Sarjana Sastera dalam bidang komunikasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

- 2) Berita mentafsirkan suasana persekitaran dan melalui ulasan berita, menentukan reaksi yang sesuai terhadap persekitaran tersebut.
- 3) Berita bertanggungjawab menurunkan warisan sosial daripada satu generasi kepada generasi yang lain dengan menyampaikan nilai dan norma sosial kepada ahli-ahli dalam masyarakat terutama pendatang baru daripada sistem sosial yang lain.
- 4) Berita juga menyiarkan bahan-bahan yang bertujuan untuk menarik minat penonton.

Daripada fungsi-fungsi utama ini kita dapat merumuskan bahawa berita sentiasa bertidak balas dengan persekitaran dan melakukan fungsi pengawasan melalui aktiviti pemungutan dan siaran. Penonton menerusi berita diberitahu mengenai sesuatu kejadian yang melibatkan keselamatan orang ramai seperti malapetaka atau konflik ketenteraan. Semua penonton mempunyai peluang yang sama untuk melindungi diri daripada bahaya tersebut. Tindakan ini menggalakkan *egalitarianisme* atau prinsip persamaan hak. Aktiviti pengawasan juga penting untuk perjalanan harian institusi-institusi dalam persekitaran. Contohnya, masyarakat perniagaan bergantung kepada maklumat berita untuk mendapatkan bahan mengenai kedudukan pasaran saham. Petani pula bergantung kepada maklumat cuaca dan juga harga barangan di pasaran, dan industri pengangkutan pula perlu mendapatkan maklumat mengenai keadaan trafik terutama di kota.

Selain daripada itu, berita juga menyampaikan nilai etika dan norma-norma masyarakat. Bagi pihak individu dalam masyarakat, ia mentafsirkan perlakuan yang boleh diterima. Artinya, ia membantu masyarakat memperkuat kawalan ke atas ahli-ahlinya. Fungsi ini dilakukan melalui laporan jenayah dan perbuatan lain yang menyimpang serta menyatakan hukumannya.

Selain daripada itu, menerusi ulasan berita perhatian penonton dapat diarahkan kepada rancangan pembangunan. Ia juga menyatakan langkah-langkah yang diperlukan untuk menjayakan rancangan tersebut.

Hal-hal yang unik dan mencuit hati juga dimasukkan dalam berita untuk menghiburkan ahli-ahli masyarakat yang kelesuan selepas sehari suntuk bekerja.

Ini adalah di antara fungsi-fungsi berita dan perkhidmatannya terhadap masyarakat. Fungsi-fungsi ini adalah perlakuan media yang biasa diamalkan. Oleh itu fungsi berita sebenarnya bukan sahaja berhubung rapat dengan tujuan dan matlamat organisasi berita tetapi juga mencerminkan nilai-nilai pemberita dan masyarakat di sekitarnya.

Nilai berita

Pemberita adalah sendi industri media. Kaedah, peraturan dan prinsip umum kewartawanan dibentuk bukan hanya bertujuan untuk memenuhi tuntutan profesional tersebut, tetapi juga untuk memenuhi keperluan industri bagi mengeluarkan satu komoditi yang diterbitkan secara berkumpulan. Prinsip-prinsip ini dianggap dalam profesion pemberitaan sebagai peraturan-peraturan dalam tugas memilih, menimbang dan menulis berita. Sebenarnya prinsip-prinsip ini merangkumi lebih daripada

peraturan-peraturan komunikasi massa. Ia adalah penentu yang memutuskan apa yang boleh ditulis, cara sesuatu kejadian itu ditulis, dan bagaimana sesuatu berita itu dapat difahami oleh masyarakat pemberita. Sekiranya berita mengenai sesuatu itu tidak boleh dikumpulkan mengikut formula industri tersebut, maka pada dasarnya, kejadian tersebut tidak berlaku. Kejadian tersebut tidak akan dilaporkan dalam berita dan ia tidak akan dibawa kepada perhatian masyarakat (Gans 1980).

Sebenarnya, kepada pemberita sendiri perkataan nilai adalah sesuatu yang abstrak yang sukar untuk ditafsirkan. Ia boleh digelar sebagai *perasaan* atau *intuisi*. Maksudnya, walaupun pemberita cuba mengamalkan nilai objektiviti, ia tidak dapat lari daripada nilai berita yang lain. Nilai berita jarang terdapat dalam bentuk yang tersurat tetapi tersirat di dalam laporan berita, perkara-perkara yang diketepikan dan cara berita itu digambarkan. Sekiranya sesuatu berita itu mengenai aktiviti yang pada umumnya ditolak oleh masyarakat, berita tersebut akan dinyatakan dengan konotasi yang negatif. Maka berita tersebut secara tersembunyi menyatakan nilai mengenai apa yang dikehendaki dalam masyarakat. Dalam proses ini, pemberita percaya ia mendapat persetujuan dan sokongan daripada orang ramai terhadap nilai ini. Pemberita, melalui berita itu, memperingati audien mengenai nilai yang dikehendaki oleh masyarakat. Apabila berita melaporkan seorang ahli politik didakwa di mahkamah kerana terlibat dalam rasuah, ia mencadangkan secara halus bahawa rasuah itu buruk dan ahli politik itu sepatutnya jujur.

Gans (1980) membezakan dua jenis nilai iaitu - nilai topikal (*topical*) dan nilai berlarutan (*enduring*). Nilai topikal adalah pendapat yang menyatakan tentang pencorak berita *newsmakers* tertentu atau aktiviti-aktiviti yang terjadi pada sesuatu masa, seperti perantikan seorang menteri atau pelancaran dasar anti-inflasi. Ini dinyatakan secara jelas dalam ulasan-ulasan berita atau disogokkan secara tersembunyi menerusi berita. Nilai yang bertahan lama atau berlarutan pula adalah nilai yang sama yang kerap kali timbul dalam berita. Nilai-nilai ini kekal dalam jangka masa yang panjang tetapi masih boleh berubah mengikut zaman. Kedua-dua jenis nilai berita ini membantu audien membentuk pendapat dan seterusnya pendapat-pendapat ini menjadi penentu nilai masyarakat.

Persepsi pemberita terhadap nilai berita

Nilai meresap ke dalam berita baik, berita cetak atau berita elektronik dalam bentuk realiti dengan andaian bahawa realiti adalah satu konsep yang dikaitkan dengan pegangan nilai sosial setiap pemberita. Sebenarnya, pemberita tidak dapat melakukan penilaian ke atas berita tanpa merujuk kepada perkara-perkara lain seperti negara, institusi-institusi nasional dan masyarakat di persekitarannya. Perkara-perkara inilah yang akan mempengaruhi nilai pemberita itu sendiri dan seterusnya cara pemberita menilai realiti dalam berita.

Satu daripada pengaruh ke atas sikap dan pandangan pemberita terhadap nilai berita ialah latihan profesional yang diterima sebelum menjadi seorang pemberita. Pemberita-pemberita dalam usaha membuktikan keprofesionalan mereka, dan juga dalam usaha memperjuangkan kedudukan pemberitaan sebagai satu profesion, telah terperangkap dengan khayalan yang dicipta oleh mereka sendiri.

Ideologi kewartawanan — ketetapan fakta, kecepatan untuk memenuhi *deadline*, gaya penulisan dan satu set nilai yang diterima (Elliot 1979) — adalah nilai yang ditentukan oleh organisasi dan diterapkan oleh pemberita. Perkara-perkara ini menghalang pemberita untuk berfikir melampaui dasar yang ditetapkan itu. Perkara ini juga diakui oleh Carey (1969: 26). Mengikut beliau:

Institut kewartawanan yang moden bukan sahaja mengajar teknik terbaru dalam pemberitaan, tetapi secara tidak langsung menyampaikan ideologi profesion tersebut.

Di sini Carey menyoal fungsi institut kewartawanan yang memberi latihan kepada pemberita. Dalam hal ini, walau di mana sekalipun pemberita-pemberita dilatih, mereka tetap disogokkan dengan nilai-nilai profesion pemberitaan yang ditetapkan oleh organisasi berita.

Pemberita zaman ini yang sebenarnya mempunyai tanggungjawab untuk mentakrifkan kejadian-kejadian semasa dan menyampaikan makna mesej tersebut kepada penonton, sekarang ini mempunyai peranan yang tidak memerlukan ciri-ciri kecendekiawanan. Memadailah sekiranya pemberita itu mempunyai kemahiran teknikal sahaja. Mengikut Ahmad Murad (1987-78):

Tugas pemberita (selepas latihan) adalah hanya sebagai pelapor dan broker simbol-simbol yang mengalir di antara penonton dengan institusi-institusi, terutama institusi kerajaan. Dalam peranan yang baru ini, pemberita telah hilang kebebasannya dan menjadi hanya sebahagian daripada proses siaran berita.

Dalam peranan yang baru ini, pemberita tidak lagi menggunakan kemahiran pemikirannya sebagai seorang pengkriuk dan pengulas, tetapi hanya menggunakan kemahiran teknikal dalam penulisan berita dan menterjemahkan bahan-bahan daripada bahasa asing.

Di Malaysia sebenarnya banyak penentu realiti yang dipegang oleh pemberita mungkin dipinjam daripada masyarakat lain. Gans (1980) mencadangkan bahawa laporan berita antarabangsa oleh pemberita Amerika menonjolkan nilai-nilai yang dipegang oleh mereka sendiri. Pemberita Amerika menonjolkan nilai-nilai yang dipegang oleh mereka sendiri. Pemberita Amerika menilai kejadian-kejadian di dunia berdasarkan ukuran-ukuran yang digunakan untuk menilai kejadian-kejadian dalam negara mereka. Ini menimbulkan andaian bahawa penonjolan nilai-nilai berita ini mungkin lama kelamaan akan menyebabkan pemindahan nilai berita daripada dunia Barat ke negara-negara Selatan atau negara-negara membangun.

Gans (1980) menjelaskan tujuh tema utama yang wujud dalam berita asing terbitan media Amerika Syarikat. Tema-tema ini mencerminkan nilai pemberita-pemberita di negara berkenaan. Tema-tema tersebut ialah **etnosentrisme**, **pengutamaan demokrasi**, **kapitalisme yang bertanggungjawab**, **nilai sastera**, **individualisme**, dan **kesederhanaan**. Gans mengkatégorikan tema-tema ini sebagai

nilai larutan atau nilai kekal (*enduring values*) di kalangan pemberita di Amerika Syarikat dan menjadi rangka rujuk semasa membentuk setiap berita yang kemudiannya mengalir dari Amerika Syarikat ke negara-negara lain terutama negara dunia ketiga. Andaian mengenai nilai realiti kewartawanan Barat, terutama Amerika Syarikat, ini meresap masuk ke Malaysia melalui sistem pertukaran berita. Akhirnya nilai-nilai ini diterapkan oleh pemberita-pemberita di sini.

Nilai berita di Malaysia seperti corak berita yang terdapat di Amerika Syarikat juga mempunyai ciri-ciri etnosentrisme, iaitu negara ini selalu dipaparkan sebagai adil, lebih maju daripada sesetengah daripada negara-negara lain, ekonominya lebih kukuh dan perkembangan teknologi dan industrinya lebih pesat dan sebagainya. Walaupun berita nasional di Malaysia kadangkala mengandungi berita yang memaparkan kesalahan-kesalahan yang timbul di negara ini, keadaan ini diperlakukan sebagai kes-kes yang mehyimpang (*deviate*) daripada keunggulan (*ideals*) masyarakat tersebut. Ada sesetengah kes skandal, misalnya, walaupun berpunca daripada segelintir ahli politik yang mengambil kesempatan, telah memaksa ahli-ahli politik yang terlibat meletak jawatan. Ini adalah untuk memastikan bahawa tidak ada sesuatu yang kurang dalam sistem demokrasi di Malaysia.

Nilai etnosentrisme yang paling nyata boleh didapati dalam laporan berita mengenai peperangan, misalnya, dalam usaha melaporkan pencerobohan Iraq ke atas Kuwait di Asia Barat pada bulan Ogos 1990, media berita di Malaysia kerap kali membandingkan keadaan huru hara itu dengan keamanan yang dinikmati oleh rakyat negara ini. Juga semasa lawatan kanak-kanak Palestin ke Malaysia, pemberita selalunya menonjolkan kenyataan-kenyataan daripada kanak-kanak tersebut terutama mengenai keamanan, kecantikan, dan kebaikan rakyat di Malaysia.

Berita yang disiarkan melalui media televisyen di Malaysia, seperti berita-berita asing, juga menonjolkan secara jelas bahawa sistem pemerintahan demokrasi adalah lebih baik daripada sistem pemerintahan di bawah seorang diktator. Walau bagaimanapun, berita di negara ini adalah lebih khusus mengenai ciri-ciri kedemokrasiannya. Misalnya, prinsip yang mengutamakan kedemokrasian dapat dikenalpasti melalui laporan berita, terutama kritikan terhadap perlakuan penyelewangan, rasuah, konflik, bantahan seperti tunjuk perasaan, pemecatan dan perbalahan-perbalahan lain. Corak pemberitaan ini dianggap sebagai mengamalkan sistem demokrasi kerana berita yang disiarkan membawa nilai-nilai bahawa ahli-ahli politik sepatutnya mementingkan orang-orang awam dan bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang ikhlas kepada rakyat jelata.

Melalui berita televisyen pula rakyat Malaysia diseru agar menghargai demokrasi yang diamalkan dalam negara ini. Mereka dinasihatkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang membina diri dan tidak berharap kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Prinsip mengutamakan sistem demokrasi yang terdapat dalam berita sebenarnya berhubung rapat dengan pentadbiran negara yang berasaskan perlembagaan. Selain daripada itu, berita juga menolong memperkukuhkan nilai

dan norma hidup masyarakat demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Dalam proses ini berita kerap kali membongkar, atau memendamkan secara selektif, kegiatan yang dianggap menyimpang dari norma-norma yang rasmi ini. Satu daripadanya ialah mengenai integrasi kaum. Sebarang penulisan yang dianggap boleh mencetuskan perbalahan kaum akan dielakkan sama sekali. Ciri rasmi yang lain ialah penyokongan terhadap keistimewaan kedudukan orang-orang Melayu dan agama Islam sebagai agama rasmi di negara ini. Walaupun nilai yang mengutamakan kedemokrasian berbeza di antara Amerika Syarikat dan Malaysia, tetapi pemberita dari kedua-dua negara ini tetap menyogokkan nilai tersebut dalam berita masing-masing.

Satu lagi ciri nilai berita yang dipinjam daripada masyarakat Amerika Syarikat ialah kapitalisme yang bertanggungjawab. Menerusi berita kegiatan-kegiatan perniagaan ditonjolkan secara sesuai, terutama mengenai ciri-ciri perniagaan yang baik. Misalnya, pujian diberikan kepada peniaga-peniaga yang bersaing untuk menambahkan kemakmuran negara tetapi menjauhkan diri daripada mengaut keuntungan daripada kegiatan yang haram atau mengeksploitasikan pekerja dan pelanggan. Walaupun monopoli itu satu amalan yang buruk dalam sistem perdagangan bebas, tidak terdapat sebarang kritikan mengenai keadaan ekonomi yang bercorak oligopolistik menerusi media berita di negara ini. Ini kerana segala perkembangan dalam ekonomi selalunya dianggap sebagai fenomena yang positif, kecuali apabila ia dikaitkan dengan inflasi dan pencemaran alam. Maka amalan yang negatif ini dibiarkan berterusan.

Ciri-ciri lain yang mencerminkan nilai kapitalisme yang bertanggungjawab ialah pengakuan pihak akhbar tentang keperluan untuk mewujudkan sebuah negara *kebajikan*. Mereka yang mengalami kemiskinan yang teruk ditonjolkan melalui berita supaya mendapat perhatian orang ramai terutama pihak kerajaan. Begitu juga kanak-kanak yang didera oleh keluarga atau ibu bapa atau isteri yang menderita kerana diabaikan atau didera oleh suami, akan diberi perlindungan oleh kerajaan atau badan-badan kerajaan. Oleh kerana itu tanggungjawab berita adalah untuk membongkarkan kes-kes ini melalui maklumat yang diterima daripada orang ramai. Dalam ertikata yang lain, agensi berita bertindak sebagai pengawas bagi pihak kerajaan untuk mengenalpasti golongan yang memerlukan bantuan.

Kesederhanaan adalah juga nilai yang didapati di kalangan pemberita di Amerika Syarikat. Di Malaysia nilai ini diamalkan apabila berita kerap kali mencaci pemberontak atau puak-puak pelampau dengan tujuan untuk mengurangkan tindakan yang keterlaluan. Mereka yang membazir (tenaga, wang, air) secara terbuka juga akan dikritik; begitu juga golongan pengemis yang tidak sama sekali memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara ini.

Maka ini adalah antara nilai-nilai yang berasal daripada berita asing tetapi diterapkan oleh pemberita tempatan, terutama pemberita cetak, justeru menjadi kebiasaan kepada audien di negara ini. Walau bagaimanapun, hanya nilai individualisme sahaja yang gagal diterapkan ke dalam nilai berita tempatan kerana berita di negara ini lebih menonjolkan nilai perkelompokan menerusi konsep-konsep rukun tetangga, rukun kejiwaan, gotong royong, dan sebagainya.

Metodologi Penyelidikan

Untuk memastikan teori Gans ini, satu penyelidikan kualitatif dan kuantitatif telah dijalankan. Oleh itu dua kaedah pemugutan data telah diusahakan. Satu daripadanya kaedah pemerhatian yang bertujuan untuk mendapatkan data utama dan satu lagi kaedah analisis isi kandungan yang dirangka untuk mengutip data sokongan.

Penyelidik memerhatikan sitem pemberitaan daripada dua organisasi berita televisyen di negara ini, iaitu Radio Televisyen Malaysia (TV1) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3). Pemerhatian dilakukan ke atas proses pemilihan berita, terutama untuk rancangan berita nasional siaran pukul 8.00 malam dalam bahasa Malaysia.

Pemerhatian yang dilakukan lebih memusatkan ke atas berita, peroses pemberitaan, pemberita, dan organisasi berita yang dikaji. Oleh itu, hanya perbandingan berkaitan dengan cara pemilihan berita dikedua-dua organisasi tersebut sahaja yang dilakukan.

Kajian ini distruktur untuk mengenalpasti nilai dan ideologi profesion pemberitaan yang boleh mempengaruhi *nilai* dalam rancangan berita televisyen tempatan.

Untuk menyokong dan memperkukuhkan data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian, penyelidik juga menggunakan penyelidikan analisis isi kandungan. Kaedah ini adalah satu teknik penyelidikan yang boleh, secara objektif dan sistematik, mengenalpasti dan menerangkan sifat-sifat khas yang terkandung dalam berita untuk membuat inferensi mengenai sistem pemilihan berita. Kaedah analisis isi kandungan ini dilakukan ke atas bahan-bahan berita televisyen. Di sini segala aspek dalam bahan yang dianalisis adalah relevan untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan yang ditetapkan dalam kajian ini. Analisis isi kandungan yang berbentuk kuantitatif ini adalah distruktur khas, sesuai dengan tujuan penyelidikan dan penghuraian yang dikemukakan. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kandungan atau makna perkara-perkara yang terdapat dalam berita televisyen. Ini kerana apa yang dianggap *lazim* (*habitual*) ataupun bertradisi sebaliknya mempunyai makna dan nilai tertentu.

Secara teori, penggunaan teknik analisis isi kandungan ini bertujuan untuk mengkaji proses pemilihan berita atau proses membuat keputusan dalam organisasi berita elektronik di Malaysia. Penyelidikan menghubungkan proses tersebut dengan nilai atau realiti yang terkandung dalam *output* atau barangan (berita), pemberita, dan organisasi berita itu sendiri.

Data sokongan ini dipungut daripada dua minggu rancangan berita televisyen, iaitu seminggu daripada berita siaran rangkaian RTM (TV1) dan seminggu lagi daripada berita siaran STMB (TV3). Tumpuan hanya diberikan kepada siaran rancangan Berita Perdana dalam bahasa Malaysia yang disiarkan pada 8.00 malam. Penyelidik berpendapat bahawa dalam rancangan berita ini terkandung segala berita yang terpenting pada satu-satu hari. Lagipun rancangan berita ini membawa banyak berita nasional.

Jadual pungutan data adalah secara rambang selama 14 hari bermula daripada hari Isnin, 7 Januari 1991, hingga ke Ahad 20 Januari 1991 untuk rancangan berita dari TV1, manakala pungutan data TV3 pula bermula pada hari Isnin, 21 Januari 1991 hingga ke hari Ahad, 3 Februari 1991.

Teknik persampelan yang digunakan untuk menentukan tarikh-tarikh kajian ini adalah teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana tarikh yang dipilih berdasarkan kesamaan dengan waktu kaedah pemerhatian.

Jadual: Perbandingan nilai-nilai berita dalam Rancangan Berita RTM dan TV3
N = 112

NILAI-NILAI BERITA	RTM		TV3	
	N = 77		N = 35	
	f	%	f	%
Penyampaian Maklumat	24	31.2	18	51.4
Kerjasama	4	5.2	0	0
Sifat Simpati	2	2.6	0	0
Galakan Ekonomi	12	15.6	4	11.4
Kapitalisme Yang Bertanggungjawab	31	40.3	7	20
Penghukuman Terhadap Penjenayah	1	1.3	3	8.6
Pengutamaan Demokrasi	3	3.9	3	8.6

Penemuan

Jadual di atas menunjukkan penemuan menerusi penyelidikan ini. Menerusi kajian ini pengkaji mendapati nilai-nilai yang diamalkan oleh stesyen televisyen tempatan ini berbeza daripada nilai-nilai berita Barat yang disarankan oleh Gans (1980). Pengkaji mendapati pemberita cuba melaporkan berita tanpa menyelitikan nilai-nilai sendiri. Oleh sebab itu, dalam berita hanya terdapat nilai-nilai organisasi dan kerajaan yang tersirat di dalamnya. Nilai adalah sesuatu yang subjektif dan oleh kerana itu kurang jelas dan sukar dikenalpasti. Pemberita, secara automatik, melalui perlakuan yang terlazim, menyelitikan nilai-nilai organisasi dan kerajaan yang tersirat di dalamnya. Pemberita, secara automatik, melalui perlakuan yang terlazim, menyelitikan nilai-nilai tertentu dalam berita. Nilai-nilai ini disedari dan difahami oleh penontonnya. Walau bagaimanapun, orang-orang yang berbeza membawa tanggapan yang berbeza semasa menonton berita dan oleh kerana itu mereka menyimpulkan berbagai nilai yang berbeza daripada tontonan masing-masing. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan fahamannya sendiri terhadap nilai-nilai yang tersirat di dalam berita.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa nilai Barat terselit di dalam berita-berita tempatan, seperti nilai kapitalisme yang bertanggungjawab, iaitu 40.3 peratus berita siaran RTM dan 20 peratus berita siaran TV3 membawa nilai tersebut. Nilai kedua ialah pengutamaan demokrasi. Pengkaji mendapati sebanyak 3.9 peratus

berita RTM dan 8.6 peratus berita TV3 membawa nilai tersebut. Selain daripada itu, melalui analisis isi kandungan didapati wujudnya lima nilai tempatan yang berbeza daripada nilai-nilai yang didapati dalam berita-berita Barat. Sebagai negara yang membangun, 15.6 peratus rancangan berita siaran RTM dan 11.4 peratus rancangan berita siaran TV3 membawa nilai galakan ekonomi. RTM, sebagai sebuah stesyen kerajaan, bertanggungjawab menggalakkan rakyat jelata untuk mengamalkan konsep kerjasama. Oleh kerana itu, 5.2 peratus daripada berita siarannya membawa nilai tersebut. Selain daripada itu, nilai yang terdapat dalam berita RTM yang tidak terdapat dalam rancangan berita TV3 ialah nilai sifat simpati. Pengkaji juga mendapati bahawa 2.6 peratus berita RTM membawa nilai ini. Nilai yang terdapat dalam berita yang disiarkan melalui TV3 dan juga RTM ialah penghukuman terhadap penjenayah, iaitu 1.3 peratus rancangan berita siaran RTM membawa nilai tersebut, berbanding dengan 8.6 peratus rancangan berita siaran TV3.

Ketua Penyunting Berita RTM semasa ditemuramah menyatakan, pihaknya cuba menyiarkan berita dengan mempersembahkan *straight facts*, maka pengkaji mendapati 31.2 peratus berita siaran RTM adalah setakat menyampaikan maklumat sahaja tanpa diselitkan sebarang nilai di dalamnya. Perkara yang sama juga berlaku dalam rancangan berita siaran TV3. Sebanyak 51.4 peratus berita siaran stesyen tersebut bertujuan untuk menyampaikan maklumat semata-mata.

Penutup

Berdasarkan penemuan-penemuan ini yang diperolehi menerusi pemerhatian dan juga penganalisisan isi kandungan berita, maka bolehlah disimpulkan bahawa kedua-dua organisasi berita elektronik mengekalkan identiti tempatan dengan menolak kebanyakan daripada nilai kebaratan daripada agensi kawat dari luar negeri. Sebaliknya, mereka menonjolkan nilai ketimuran yang sesuai dengan hasrat masyarakat di negara ini.

Rujukan

- Buckalew, J. 1970. News elements and selection by television news editors. *Journal of Broadcasting*, 14, 47-53.
- Carey, J. W. 1983. The communications revolution and the professional communicator. *The Sociological Review Monograph*, 13, 23-37.
- Carey, J. W. 1983. Journalism and criticism: The case of an undeveloped profession. Dalam M. Emery & T. C. Smethe. *Reading in mass communication: Concepts and issues in the mass media*. Dubuque: WM. C. Brown.
- Elliot, P. 1979. *The making of television series*. London: Constable Press.
- Epstein, E. J. 1973. *News from nowhere*. New York: Random House.

- Fang, I. E. 1972. *Television news*. New York: Hasting House.
- Galtung, J. & Ruge, M. 1965. The structure of foreign news. *Journal of Peace Research*, 64-90.
- Gans, H. J. 1980. *Deciding what's news: A study of CBS evening news, NBC nightly news, Newsweek and Times*. New York: Random House.
- Lasswell, H. D. 1977. Structure and function of communication in society. Dalam. Schramm, W. & Roberts, D. F. *The process and effects of mass communication*: 84-99. Chicago: University of Illinois Press.
- Ahmad Murad Merican. 1987. A normative approach to news organizational product: the culture beneath. *Forum Komunikasi*, 1, 75-94.
- Tuchman, G. 1978. *Making news: A study in the construction of reality*. New York: The Free Press.